

BUMI KENYALANG PESAT MEMBANGUN

Oleh: Muhammad Al-Faizy Mohamad, 1171768,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 21 Ogos 2020





Sarawak adalah negeri yang terbesar di Malaysia. Saiznya boleh dikatakan hampir sama dengan Semenanjung Malaysia.

Negeri itu terkenal dengan hutan hujannya yang lebat dan merimbun serta burung kenyalang sebagai lambang identitinya.

Sarawak juga menawarkan kepelbagaian sejarah, etnik, budaya, makanan dan festival, serta kaya dengan tarikan alam semula jadi yang sungguh menakjubkan.

Desiran pantai dengan pasir yang memutih, ditambah lagi dengan angin yang bertiup sepoi-sepoi bahasa pasti menjanjikan pengalaman dan kenangan yang indah dalam kehidupan kita.

Sejajar dengan era globalisasi yang semakin beragam, Sarawak adalah antara negeri yang sedang pesat membangun sama ada dalam sektor ekonomi, politik, pendidikan, pelancongan dan infrastruktur yang mapan.

Sarawak memiliki warisan kepimpinan yang unggul dan ulung bermula dari era Ketua Menteri pertama iaitu Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong dan kini berada di bawah tampuk kepimpinan Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg selaku Ketua Menteri Sarawak yang keenam.

Sebaik sahaja memegang tampuk pentadbiran negeri pada 13 Januari 2017, Abang Johari terus merangka pelan ekonomi untuk Sarawak secara menyeluruh.

Sebagai seorang yang berpandangan jauh, beliau mahu Sarawak meneroka potensi ekonomi moden yang bergerak atas platform teknologi komunikasi.

Tambahan pula, Sarawak kaya dengan sumber ekonomi yang pelbagai bermula dari hasil laut yang melimpah ruah, perlombongan gas, minyak dan petroleum, pembalakan, pertanian dan pelancongan.

Sehubungan itu, Sarawak mempunyai masa depan yang amat cerah jika sumber asli dan tenaga manusia dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Walaupun keadaan ekonomi global tidak menentu berikutan perang perdagangan Amerika Syarikat (AS), dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan perkembangan ekonomi kurang memberangsangkan dalam tempoh beberapa tahun akan datang, situasi itu tidak menjejaskan pembangunan Sarawak.

Sebaliknya, Sarawak akan terus dan sentiasa mencari pendekatan baharu untuk menjadi negeri yang paling membangun di Malaysia.

Belanjawan Negeri 2020 menunjukkan kesungguhan Ketua Menteri dan Kabinetnya membangunkan Sarawak menuju status negeri maju pada 2030.

Kebijaksanaan Ketua Menteri dalam mendapatkan dana untuk tujuan pembangunan negeri tidak terhenti di situ sahaja.

Pada 5 November 2018 menerusi sesi pembentangan Belanjawan Negeri 2019, beliau mengumumkan pengenalan cukai lima peratus terhadap produk petroleum.

Cukai itu dijangka mampu menjana pulangan berbilion ringgit setelah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2019.

Sikap mengutamakan pembangunan terus menonjol menerusi Belanjawan Negeri 2020. Daripada RM9.891 bilion, kerajaan negeri memperuntukkan RM6.591 bilion untuk pembangunan.

Kira-kira 63 peratus diperuntukkan pada tahun 2020 bagi melaksanakan pembangunan di luar bandar. Pada masa yang sama, pendapatan Sarawak diunjurkan RM10.067 bilion pada 2020.

Semua usaha, perancangan dan strategi yang sistematik ini menjadi bukti kepada agenda pembangunan Sarawak ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2030.

Rakyat Sarawak haruslah berasa bangga dengan ibu pertiwi mereka yang sedang pesat membangun ini.

Akhir sekali, kerajaan negeri akan terus berusaha sepenuhnya bagi memastikan bahawa Sarawak mencapai persekitaran yang bersih, sihat, dan berdaya saing untuk generasi sekarang dan akan datang.